

SIMBOL DAN PENGARUH  
EMAS KE ATAS MASYARAKAT  
DI MALAYSIA

KHALID HJ. DAUD

89723035

DIPLOMA SENILOGAM HARIUS

Diploma Kajian Seniukis dan Senireka

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

SHAM ALAM, SELANGOR

SESSI 1993/94

NK  
7106.4  
.K43  
1994

## PENGHARGAAN

*Pisang emas dibawa belayar,  
Masak sebiji diatas peti;  
Hutang emas boleh dibayar,  
Hutang budi dibawa mati.*

Serangkap pantun warisan peninggalan pusaka melayu mewakili seluruh isi kandungan tesis saya. 'Emas' berkaitan dengan tajuk tesis saya. 'Budi' pula adalah sumbangan ikhlas dan jasa baik yang telah diberikan oleh para pensyarah di kajian Senilukis dan Senireka, ITM, keluarga dan kawan-kawan.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya siapkan penulisan tesis ini dengan bantuan dan bimbingan daripada semua yang terlibat dan juga daripada himpunan pengalaman pembelajaran masa lalu - bermula daripada bangku sekolah sehinggalah ke tempat saya menuntut ilmu sekarang. Semoga penulisan berbentuk ilmiah yang saya hasilkan ini berguna untuk diri saya dan juga para pelajar yang lain. Dan juga mudah-mudahan segala ilmu yang saya perolehi di sini diberkati Allah S.W.T.

Kepada keluarga - Mak, arwah ayah, (meninggal pada 12 Mei 1992) kakak dan abang, jutaan terima kasih diucapkan.

Begitu juga kepada para pensyarah di Jabatan Senilogam Halus - En. Alias, Puan Fauziah, En. Jeffry, En. Mohd. Dahuri, Puan Mohainee dan En. Zahari serta juruteknik - En. Zainal dan En. Yazid.

Tidak ketinggalan juga kepada kawan-kawan di ITM amnya dan di Kajian Senilukis dan Senireka khasnya yang turut memberi dorongan, kerjasama dan nasihat. Kepada Mat Yussof Che Mat di Fakulti sastera dan sains sosial Universiti Malaya, Mohamad Daud di Fakulti Pendidikan Universiti Sains Malaysia.

Segala budi dan jasa akan diabadikan di dalam kenangan.

Terima kasih.

## SINOPSIS

### *Tujuan.*

Secara umumnya, tesis ini dibuat adalah untuk meningkatkan lagi ilmu pengetahuan dengan lebih mendalam di dalam bidang pengajian atau kursus yang diikuti. Ia juga berfungsi sebagai syarat untuk melengkapkan pengajian akhir di dalam kursus Diploma Senilukis dan Senireka.

Penulisan tesis saya ini adalah berkaitan dengan penggunaan logam emas ke atas masyarakat di Malaysia. Tajuk yang akan saya bincangkan berbunyi "**SIMBOL & PENGARUH EMAS KE ATAS MASYARAKAT DI MALAYSIA**". Di mana ruanglingkup yang hendak saya karangkan merangkumi penggunaan bahan logam emas sebagai simbol kepada masyarakat di Malaysia seperti simbol kekayaan, simbol kekuasaan, simbol kecantikan, simbol kasih sayang dan sebagainya. Ia juga mempersoalkan tentang sejauh manakah pengaruh emas memainkan peranan ke atas masyarakat Malaysia. Logam emas telah 'menguasai' dan 'meresapi' ke dalam jiwa manusia secara mendalam. Ini menunjukkan betapa bernilainya logam emas kepada manusia. Ia seolah-olah mempunyai satu kekuasaan yang luarbiasa (supernatural) kepada manusia.

Logam emas juga telah mempengaruhi masyarakat di Malaysia sebagai jenama atau 'brand' kepada papan tanda (sign board) kedai-kedai, syarikat-syarikat dan juga penggunaan di dalam iklan-iklan yang dipaparkan menerusi akhbar-akhbar harian, majalah-majalah dan juga melalui media-elektronik iaitu radio dan televisyen. Pinjaman perkataan 'emas' adalah untuk menyakinkan para pelanggan tentang barangan yang dipasarkan atau perkhidmatan yang diberikan kepada para pengguna sebagaimana bernilainya logam emas itu sendiri. Penilaian jenama atau 'brand' kepada penggunaan papan tanda kedai, syarikat dan iklan adalah penting kerana faktor-faktor ini memainkan peranan utama untuk mempengaruhi masyarakat moden pada hari ini.

### *Kaedah Kajian.*

Di dalam penyediaan kajian ini, satu skop atau methodologi telah dirancang mengikut susunan yang rapi di mana ia telah dibahagikan kepada lima bab yang utama. Penyelidikan ini adalah berdasarkan kepada tiga data yang utama iaitu mengadakan kajiselidik terhadap kedai-kedai dan syarikat-syarikat terutamanya di sekitar Kuala Lumpur, Kelang, Terengganu dan Kelantan.

Keduanya melalui laporan-laporan penyelidikan yang terdahulu seperti buku-buku rujukan, majalah, risalah, akhbar dan sebagainya. Di samping itu data-data tambahan juga diperolehi daripada media-elektronik iaitu radio dan televisyen.

Ketiganya diperolehi berdasarkan kepada perhatian semasa perbincangan dilakukan dan lain-lain sumber yang berkaitan dengan kajian ini.

## **KANDUNGAN**

- HALAMAN PEMERIKSA
- PENGHARGAAN
- SINOPSIS

### **BAB 1**

- 1.0 PENGENALAN
- 1.1 SEJARAH REKABENTUK EMAS.

### **BAB 2**

- 2.0 SEJARAH EMAS DI MALAYSIA
- 2.1 KATEGORI EMAS.
- 2.2 KARAT: PENENTU KETULENAN EMAS.

### **BAB 3**

- 3.0 BUKTI PENGGUNAAN LOGAM EMAS DI MALAYSIA

### **BAB 4**

- 4.0 SIMBOL EMAS KEPADA MASYARAKAT
- 4.1 SIMBOL KEBESARAN DAN KEKUASAAN
- 4.2 SIMBOL PERSAHABATAN ( PERJUJANGAN )
- 4.3 SIMBOL KESELAMATAN DIRI
- 4.4 SIMBOL KECANTIKAN WANITA
- 4.5 SIMBOL KEMAHIRAN KRAFTANGAN ORANG-ORANG MELAYU.
- 4.6 SIMBOL KEKAYAAN DAN STATUS PEMAKAI.
- 4.7 SIMBOL PENYATUAN KEBUDAYAAN
- 4.8 SIMBOL PENGHARGAAN.

### **BAB 5**

- 5.0 PENGARUH EMAS KE ATAS MASYARAKAT DI MALAYSIA
- 5.1 PENGARUH DI DALAM PERIBAHASA / UNGKAPAN - SEBAGAI PERBANDINGAN
- 5.2 PENGARUH DI DALAM BIDANG SUKAN.
- 5.3 PENGARUH DI DALAM IKLAN
- 5.4 PENGARUH KE ATAS NAMA SYARIKAT DAN KEDAI

### **BAB 6**

KESIMPULAN



# PENGENALAN

## SENILOGAM (UMUM)

Di Semenanjung Malaysia penggunaan bahan - bahan logam di dalam keperluan hidup manusia telah bermula semenjak zaman purba lagi. Kepandaian menggunakan bahan logam di zaman purba adalah sesuatu yang sangat menarik kerana logam adalah bahan yang tidak boleh dipecah - pecahkan untuk menghasilkan sesuatu alat seperti alat - alat yang diperbuat daripada batu.

Bahan logam harus dipanaskan dan dileburkan terlebih dahulu sebelum ditekuk atau dituang ke dalam acuan yang telah direkabentuk untuk menghasilkan peralatan logam mengikut corak acuannya. Proses - proses adalah satu kerja yang memerlukan kemahiran, kepakaran, pengalaman dan kesungguhan. Oleh itu kepandaian masyarakat yang hidup beribu - ribu tahun lampau menghasilkan sejenis alat daripada logam yang dikenali sebagai 'Gendang Dong - Son' adalah sesuatu yang menakjubkan. Gendang yang mewakili zaman logam ini telah dijumpai semasa diadakan kerja - kerja carigali oleh pakar - pakar kajipurba Jabatan Muzium Negara beberapa tahun yang lampau.

Penggunaan alat - alat daripada logam berterusan hingga kini. Orang - orang melayu juga banyak menghasilkan beraneka jenis alat yang diperbuat daripada logam emas, perak, suasa, timah, tembaga, besi dan lain - lain.

Rekabentuk alat - alat daripada logam yang dihasilkan oleh tukang - tukang melayu dapat dikategorikan kepada beberapa kumpulan, mengikut penggunaan dan kesesuaiannya. Senjata, seperti keris, lembing dan pisau. Alat - alat perhiasan diri, seperti rantai leher, gelang tangan, gelang kaki, cincin, anting - anting dan jenis - jenisnya juga alat - alat permainan masa lapang, alat - alat pertanian, alat - alat perabot, alat - alat pemujaan dan berbagai - bagai lagi.